

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHOW KON YEOW [BERUAS]

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan inisiatif bagi memastikan sumber bekalan air untuk sawah padi adalah mencukupi terutamanya pada musim kemarau. Adakah terdapat penyelesaian jangka panjang bagi masalah pengairan untuk kawasan penanaman padi di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang yang melibatkan pam air Bumbung Lima dan Pinang Tunggal.

JAWAPAN

1. Untuk makluman Yang Berhormat Ahli Parlimen Tanjong, Pihak MET Malaysia telah melaporkan pada 31 Disember 2019 bahawa Negeri Pulau Pinang akan mengalami kekurangan taburan hujan dari bulan Januari sehingga Mac Tahun 2020. Keluasan kawasan bertanam padi bagi daerah Seberang Perai Utara (SPU) adalah seluas 7,946.86 hektar.

2. Selain daripada isu penyelesaian jangka pendek seperti penyediaan pam-pam bergerak, pembinaan telaga tiub dikawasan-kawasan yang bermasalah sumber air, penjadualan semula dan pembenihan awan OPA oleh MET, langkah-langkah jangka panjang juga turut diambil kira. Antara perancangan dan tindakan yang diambil bagi penyelesaian jangka panjang oleh semua pihak terlibat antaranya seperti berikut :

ISU	SYOR PENYELESAIAN	STATUS
<p>1. Seberang Perai Utara (Bakar Bata, Paya Keladi, Lahar Tiang, Paya Cina, Permatang Saga, Permatang Damar, Permatang Langsung)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Pam Elektrik Beserta Dengan Kelengkapan Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Rumah Pam Pinang Tunggal, Skim Pengairan Pinang Tunggal, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang • Kerja-Kerja Menaiktaraf Rumah Pam Di Pusat Kecemerlangan Teknologi Padi Bumbung Lima, Daerah SPU, Pulau Pinang (Anggaran Kos: RM500,000.00) • Kerja-Kerja Menaiktaraf Pam Di Pusat Kecemerlangan Teknologi Padi Bumbung Lima, Daerah SPU, Pulau Pinang (Anggaran Kos: RM500,000.00) • Perkhidmatan Mengangkut, Memasang, Mengoperasikan Serta Menyelenggara Pam Bergerak Di Kawasan Bendang Di Negeri Pulau Pinang (Anggaran Kos: RM200,000.00) • Kerja – kerja pembinaan telaga 	<p>Kos Projek: RM3,595,000.00 Tarikh Mula: 31 Januari 2019 Tarikh Siap: 5 Disember 2019 EOT 1: 23 Julai 2020 EOT 2: 20 Februari 2021</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan dokumen tender dan dijangkakan iklan pada bulan Ogos 2020. • Telah mengemukakan permohonan peruntukkan kepada MAFI. Masih menunggu kelulusan dan waran • Sedang dilaksanakan

	<p>tiub. (Anggaran Kos: RM 300,000.00)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bekalan Minyak bagi penggunaan pam bergerak berkapasiti 3 cusec sebanyak 40 buah pam.(Anggaran Kos: RM 118,000.00) 	<ul style="list-style-type: none"> • Sedang dilaksanakan • Telah mengemukakan permohonan peruntukkan kepada MAFI.
--	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

3. Beberapa mesyuarat telah diadakan di antara agensi - agensi berkaitan bagi membincangkan isu bekalan air. Susulan daripada perbincangan dan mesyuarat yang telah diadakan, pelbagai langkah mitigasi jangka pendek dan penyelesaian jangka panjang telah diputuskan. Bagi penanaman padi pada musim yang seterusnya akan disusun dengan mengambil kira laporan ramalan hujan oleh MET Malaysia.

Selain itu, pengurusan air yang cekap perlu dipantau bagi mengelakkan pembaziran sumber air. Penekanan terhadap kerjasama Jabatan Pertanian dan PPK adalah perlu bagi penyelarasan agihan bekalan air di kawasan terlibat ketika terjadinya masalah bekalan. Walau bagaimana pun, pematuhan pada jadual tanaman perlulah mendapat kerjasama semua pihak agar sumber bekalan dapat diuruskan dengan baik dan optimum. Kerjasama semua pihak amatlah diharapkan untuk menangani isu bekalan air ini.

Sekian, terima kasih.